

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM
[KUALA SELANGOR – BN]**

TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN (NO. 53)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan:-

- a) Sejauh manakah pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN 2015 akan memberikan impak terhadap golongan belia dalam menghadapi persaingan daripada negara-negara ASEAN; dan
- b) Apakah langkah-langkah Kementerian untuk memberi pendedahan dan latihan mengenai AEC dalam mempersiapkan golongan belia supaya lebih berdaya saing.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaksanaan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) ini akan memberi impak yang besar kepada golongan belia. Mereka terpaksa lebih berdaya saing dan berani dalam menghadapi persaingan daripada Negara-negara ASEAN yang lain. Sebagai sebahagian daripada ASEAN, Malaysia mempunyai platform yang lebih besar bagi menarik perdagangan, pelaburan, sumber manusia dan teknologi yang amat penting bagi kelangsungan pertumbuhan ekonomi negara kita.
2. Pasaran yang luas dalam ASEAN akan memberi peluang yang baik kepada usahawan muda kita untuk mengeksport barangan dan perkhidmatan mereka ke Negara-negara ASEAN yang lain. Oleh sebab itu, Kerajaan telah menempatkan wakil kerajaan dan agensi di beberapa buah negara ASEAN untuk mendapatkan akses pasaran, mempromosi dan meletakkan produk Malaysia sebagai pilihan utama dalam pasaran global di samping mengenalpasti peluang pasaran serta bidang baru yang berpotensi yang boleh diterokai.
3. Secara tidak langsung, dalam proses melaksanakan AEC, banyak syarikat Malaysia telah menubuhkan cawangan perniagaan mereka di Negara ASEAN yang lain. Ini turut memberi peluang pekerjaan baru kepada belia kita yang membolehkan mereka mendapat mempertingkatkan kerjaya serta peluang perniagaan yang lebih baik di Negara ASEAN yang lain.

SULIT

4. Selain itu, Kerajaan turut menggalakkan pelabur dari luar negara termasuklah negara ASEAN untuk melabur dalam negara melalui agensi berkaitan. Peningkatan pelaburan membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada belia dan sekaligus mengurangkan kadar pengangguran serta meningkatkan ekonomi belia secara individu.
5. Golongan belia telah diberikan perhatian dan penumpuan khas dalam usaha ASEAN mewujudkan dan melaksanakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC). Banyak langkah telah diambil oleh ASEAN dengan memberi pendedahan dan latihan mengenai perwujudan dan pelaksanaan AEC supaya mereka dapat mengambil bahagian dalam rangkaian pengeluaran dan pembekalan yang luas dalam ASEAN.
6. Kementerian juga telah mengadakan Persidangan Meja Bulat Gagasan Komuniti ASEAN pada 5 April 2014 yang lalu terdiri daripada persatuan belia dan belia secara individu. Kementerian turut akan menganjurkan Persidangan Antarabangsa Pemimpin Muda (ICYL) 2015 bertemakan "Keusahawanan Sosial Menjana Perubahan Komuniti" yang akan berlangsung pada 19 hingga 21 Mac 2015 bertempat di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) Kuala Lumpur. Persidangan ini akan disertai oleh peserta belia dari negara ASEAN dan juga tempatan. Agenda AEC akan menjadi salah satu tajuk perbincangan semasa persidangan tersebut.

SULIT

7. Selain itu, penganjuran Program Belia ASEAN sempena Pameran Maritim dan Aeroangkasa Antarabangsa Langkawi (LIMA) 2015 turut membantu golongan belia memahami AEC dengan lebih jelas. Kementerian turut memberi peluang kepada belia yang berniaga untuk menambah nilai produk bagi meningkatkan daya saing produk di pasaran ASEAN melalui penglibatan dalam program keusahawanan yang telah dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.